

KTMB sediakan kemudahan kondusif untuk perkhidmatan tren elektrik

Koc eksklusif ETS ada pramugari

KOSMO 12/09/2019 MS 12

KUALA LUMPUR – Kere- tapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) bakal memperkenalkan perkhidmatan koc kelas perniagaan bagi perkhidmatan tren elektrik terbaharunya, ETS2 bulan hadapan.

Ketua Pegawai Eksekutif KTMB, Mohd. Rani Hisham Samsudin berkata, koc kelas perniagaan eksklusif itu merupakan satu daripada enam gerabak ETS2 yang direka sebagai pilihan untuk penumpang yang mahukan kelainan tersendiri ketika menggunakan perkhidmatan tren itu.



MOHD RANI

Katanya, koc tersebut dilengkapi kemudahan kondusif seiring jenama kelas perniagaan tersebut.

“Ini termasuk tempat duduk luas dan selesa berbanding koc biasa serta perkhidmatan pramugara dan pramugari khusus bagi koc kelas perniagaan. Pe-

numpang dalam gerabak itu turut akan ditawarkan kemudahan khas seperti kit perjalanan, Audio Video-On-Demand (AVoD) serta port USB,” katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, tiket tren bagi perjalanan bermula dari 11 Oktober itu akan dijual mulai 8.30 pagi pada 12 September ini.

Katanya, perkhidmatan tren elektrik (ETS) amat popular dalam kalangan penumpang KTMB dan penumpang tahun lepas, sejumlah 3.91 juta orang telah menggunakan perkhidmatan kereta api itu.

“Sehingga Julai tahun ini sahaja, sebanyak 2.15 juta orang telah menaiki ETS, purata 10,400 penumpang sehari. Penambahan set-set tren ETS2 itu sejajar dengan hasrat kerajaan meningkatkan penggunaan perkhidmatan awam berasaskan rel.



KTMB menambah baik perkhidmatan ETS2 dengan memperkenalkan koc kelas perniagaan sebagai pilihan kepada pelanggan yang inginkan kelainan. - Gambar hiasan

“Dua perkhidmatan tren terbaharu itu menjadikan keseluruhan 38 perkhidmatan ETS beroperasi setiap hari. Ia sebahagian daripada sembilan set tren ETS2 yang bakal dite-

rima peneraju perkhidmatan rel nasional itu secara berperingkat sehingga suku pertama tahun depan,” katanya.

Bersempena dengan pengenalan koc baharu itu, KTMB tu-

rut mengumumkan harga tiket promosi RM50 untuk dewasa bagi perjalanan sehala antara KL Sentral dan Ipoh, Perak manakala RM112 bagi perjalanan KL Sentral-Padang Besar Perlis dan promosi itu sah bagi perjalanan di antara 11 Oktober sehingga 30 November 2019.

Sementara warga emas, pesara kerajaan dan isteri, orang kelainan upaya (OKU), kanak-kanak berusia empat hingga 12 tahun pula layak menerima diskaun konsesi, manakala kanak-kanak berumur satu hingga tiga tahun (tanpa tempat duduk) tidak dikenakan sebarang bayaran.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat lanjut berhubung ETS2 di laman sesawang rasmi KTMB, www.ktmb.com.my atau [ktmberhad](https://www.facebook.com/ktmberhad) (Facebook), [ktmberhad](https://www.instagram.com/ktmberhad) (Instagram), [@ktmberhad](https://twitter.com/ktmberhad) (Twitter) atau menerusi Pusat Panggilan 24 jam KTMB di talian **03-2266 1200**. - Bernama